

MEDIA STATEMENT

For Immediate Release

IDEAS: National Trust Fund Bill 2026 Must Prioritise Governance, Transparency and Parliamentary Oversight

Kuala Lumpur, 16 July 2026 – The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) welcomes the Government's efforts to strengthen the National Trust Fund through the National Trust Fund Bill 2026. The Bill introduces several important reforms, including placing contributions to the Fund on a statutory footing, establishing a dedicated governing body and broadening its investment mandate. It also replaces PETRONAS' discretionary contribution arrangement by requiring the Government to contribute at least 2% of PETRONAS dividends, 0.1% of projected federal revenue and 2% of export duties from depleting natural resources.

Established in 1988 to preserve Malaysia's natural resource wealth for future generations, the Fund was intended to convert finite resource revenues into long term national assets. Its modest growth over the past three decades underscores the need to strengthen not only its investment mandate but also its governance, transparency and accountability.

While the Bill significantly expands the Fund's investment powers, it provides comparatively limited safeguards to ensure these powers are exercised transparently, independently and with meaningful parliamentary oversight.

As drafted, the Bill concentrates significant authority within the Executive. The Minister appoints the entire Board, approves the Strategic Asset Allocation, appoints the principal fund manager, authorises the establishment of investment companies and may issue directions to the Board. Clause 7 requires the Fund to submit reports and accounts to the Minister of Finance but does not require reporting directly to Parliament. While ministerial accountability remains an important constitutional principle, these powers should be balanced by stronger safeguards that reinforce operational independence, transparency and parliamentary accountability.

The Bill also misses an opportunity to strengthen Parliament's oversight role. Parliamentary approval is required only for withdrawals above the statutory limit. Parliament has no formal role in scrutinising appointments, reviewing investment strategy, monitoring performance or assessing governance arrangements.

Similarly, while the Bill permits the National Trust Fund (Incorporated) to establish investment companies with ministerial approval, it provides little guidance on their governance, ownership, reporting or accountability. Nor does it require the publication of the Strategic Asset Allocation or key investment benchmarks, limiting transparency over how national wealth will be managed.

Strong institutions depend not only on investment powers but also on clear accountability, transparency and effective oversight. These safeguards should be embedded in legislation rather than left to future regulations or administrative practice.

Malaysia now has an opportunity to strengthen the Fund's governance framework in line with internationally recognised sovereign wealth fund standards, including the Santiago Principles. Doing so will enhance public trust and help protect the Fund from short term political pressures while preserving its long term national purpose.

To strengthen the Bill, IDEAS recommends that Parliament:

1. Strengthen the independence of the Board through a more transparent and merit-based appointment process, with appropriate parliamentary scrutiny;
2. Require the publication of the Strategic Asset Allocation, investment objectives, performance benchmarks and risk management framework, subject to legitimate commercial confidentiality;
3. Requiring the Fund to table annual reports covering audited financial statements, investment performance, compliance with the investment mandate, governance developments and major risks; and
4. Clarify the governance, ownership, reporting and audit requirements for investment companies established under the Act, while requiring periodic independent governance and performance reviews against internationally recognised sovereign wealth fund governance standards

The National Trust Fund should be more than a vehicle for investment. It should serve as a model of transparent, accountable and professionally governed public financial management. Strengthening the Bill before its passage will better safeguard Malaysia's national wealth and reinforce public confidence in the stewardship of public assets.

- END -

For enquiries, please contact:

Ryan Panicker

Manager, Advocacy and Events

ryannesh@ideas.org.my

About IDEAS

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit think tank, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia's first independent think tank, free of personal interests and partisan influences.

For more information, visit www.ideas.org.my

KENYATAAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

IDEAS: RUU Kumpulan Wang Amanah Negara 2026 Harus Utamakan Tadbir Urus, Ketelusan dan Pemantauan Parlimen

Kuala Lumpur, 16 Julai 2026 – Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) mengalu-alukan usaha kerajaan untuk memperkukuh Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) menerusi Rang Undang-Undang (RUU) Kumpulan Wang Amanah Negara 2026. RUU ini memperkenalkan beberapa pembaharuan penting, termasuk meletakkan sumbangan kepada KWAN di bawah asas perundangan, menubuhkan sebuah badan pentadbir khusus serta memperluas mandat pelaburannya. Ia juga menggantikan mekanisme sumbangan budi bicara PETRONAS dengan mewajibkan kerajaan menyumbang sekurang-kurangnya 2% daripada dividen PETRONAS, 0.1% daripada unjuran hasil Kerajaan Persekutuan dan 2% daripada duti eksport sumber asli yang semakin menyusut.

KWAN ditubuhkan pada tahun 1988 bagi memelihara kekayaan sumber asli Malaysia untuk generasi akan datang, dengan tujuan menukarkan hasil daripada sumber asli yang terhad kepada aset negara yang mampu memberikan manfaat jangka panjang. Pertumbuhan KWAN yang sederhana sepanjang lebih tiga dekad lalu menunjukkan keperluan untuk memperkukuh bukan sahaja mandat pelaburan, malah aspek tadbir urus, ketelusan dan kebertanggungjawabannya.

Walaupun RUU ini memperluas kuasa pelaburan KWAN dengan ketara, ia menyediakan perlindungan yang agak terhad bagi memastikan kuasa tersebut dilaksanakan secara telus, bebas dan tertakluk kepada pemantauan Parlimen yang bermakna.

Draf RUU ini menumpukan kuasa yang besar kepada cabang Eksekutif. Menteri akan melantik keseluruhan Ahli Lembaga Pengarah, meluluskan Peruntukan Aset Strategik, melantik pengurus dana utama, memberi kebenaran untuk penubuhan syarikat pelaburan serta boleh mengeluarkan arahan kepada Lembaga Pengarah. Fasal 7 mewajibkan KWAN untuk mengemukakan laporan dan penyata kewangan kepada Menteri Kewangan, namun tidak mewajibkan laporan tersebut dibentangkan secara terus kepada Parlimen. Walaupun kebertanggungjawaban menteri merupakan prinsip penting dalam sistem Perlembagaan, kuasa ini perlu diimbangi dengan perlindungan yang lebih kukuh bagi memperkukuh kebebasan operasi, ketelusan dan kebertanggungjawaban kepada Parlimen.

RUU ini juga terlepas peluang untuk memperkukuh peranan Parlimen dalam menjalankan fungsi pemantauan. Kelulusan Parlimen hanya diperlukan bagi pengeluaran dana yang melebihi had yang ditetapkan oleh undang-undang. Parlimen tidak diberikan sebarang peranan rasmi dalam meneliti pelantikan jawatan, menyemak strategi pelaburan, memantau prestasi atau menilai pengaturan tadbir urus KWAN.

Begitu juga, walaupun RUU ini membenarkan Kumpulan Wang Amanah Negara (Diperbadankan) menubuhkan syarikat pelaburan dengan kelulusan menteri, ia tidak memberikan panduan yang mencukupi mengenai aspek tadbir urus, pemilikan, pelaporan dan

kebertanggungjawaban syarikat tersebut. RUU ini juga tidak mewajibkan penerbitan Peruntukan Aset Strategik atau penanda aras utama pelaburan, sekali gus mengehadkan ketelusan mengenai bagaimana kekayaan negara akan diuruskan.

Institusi yang kukuh bukan sahaja bergantung kepada kuasa pelaburan yang luas, tetapi juga memerlukan mekanisme kebertanggungjawaban yang jelas, ketelusan dan pemantauan yang berkesan. Perlindungan ini sewajarnya diperuntukkan secara jelas dalam undang-undang dan bukannya diserahkan kepada peraturan atau amalan pentadbiran pada masa hadapan.

Malaysia kini mempunyai peluang untuk memperkukuh kerangka tadbir urus KWAN selaras dengan piawaian antarabangsa bagi dana kekayaan berdaulat, termasuk Prinsip Santiago (24 prinsip dan amalan yang diterima di peringkat antarabangsa untuk menggalakkan ketelusan, tadbir urus baik, kebertanggungjawaban dan amalan pelaburan berhemat, di samping memupuk dialog yang lebih terbuka serta pemahaman yang lebih mendalam mengenai dana kekayaan berdaulat). Langkah ini akan meningkatkan keyakinan awam serta membantu melindungi KWAN daripada tekanan politik jangka pendek, di samping memastikan matlamat jangka panjangnya sebagai dana untuk kepentingan negara terus terpelihara.

Bagi memperkukuh RUU ini, IDEAS mengesyorkan agar Parlimen:

1. Memperkukuh kebebasan Lembaga Pengarah melalui proses pelantikan yang lebih telus dan berasaskan merit, dengan penelitian yang sewajarnya oleh Parlimen;
2. Mewajibkan penerbitan Peruntukan Aset Strategik, objektif pelaburan, penanda aras prestasi dan kerangka pengurusan risiko, tertakluk kepada kerahsiaan komersial yang munasabah;
3. Mewajibkan KWAN membentangkan laporan tahunan yang merangkumi penyata kewangan beraudit, prestasi pelaburan, pematuhan terhadap mandat pelaburan, perkembangan tadbir urus serta risiko utama; dan
4. Menjelaskan keperluan berkaitan tadbir urus, pemilikan, pelaporan dan audit bagi syarikat pelaburan yang ditubuhkan di bawah Akta ini, di samping mewajibkan semakan berkala secara bebas terhadap aspek tadbir urus dan prestasi berdasarkan piawaian tadbir urus dana kekayaan berdaulat yang diiktiraf di peringkat antarabangsa

KWAN seharusnya menjadi lebih daripada sekadar sebuah dana pelaburan. Ia perlu menjadi contoh pengurusan kewangan awam yang telus, bertanggungjawab dan ditadbir secara profesional. Memperkukuh RUU ini sebelum ia diluluskan akan memberikan perlindungan yang lebih baik terhadap kekayaan negara serta meningkatkan keyakinan rakyat terhadap pengurusan aset awam.

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Ryan Panicker

Pengurus, Advokasi dan Program

ryannesh@ideas.org.my

Tentang IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bebas dan bukan berasaskan keuntungan. Fokus IDEAS ialah mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam yang bertumpu kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang berdaya saing, memastikan keyakinan terhadap institusi, dan Malaysia sebagai negara yang merangkumi semua. Untuk maklumat lanjut, layari www.ideas.org.my